


# Potensi Malaysia sebagai Pusat Takaful Serantau



**K**ERAJAAN menasarkankan langkah yang berlipat ganda untuk menambah produk kewangan Islam dalam usaha menjadikan negara sebagai pusat kewangan Islam pada peringkat antarabangsa. Malaysia amat berpotensi untuk menjadi hab kewangan Islam terbesar global, selain di Dubai dan London, yang melibatkan produk seperti perbankan Islam, takaful, dan bon Islam atau sukuk. Pada masa ini, Malaysia juga komited untuk memperkasakan satu lagi produk kewangan Islam, iaitu pewarisan harta Islam memandangkan harta adalah sebahagian dalam urusan kewangan, termasuk pengurusan wakaf, zakat dan sedekah.

Sehubungan dengan itu, Malaysia sebagai anggota negara ASEAN yang pesat membangun dilihat berpotensi untuk menjadi hab yang strategik bagi industri takaful. Berdasarkan dapatan daripada Ernst & Young Malaysia, sehingga kini Malaysia berjaya menguasai tiga daripada empat pasaran

takaful di rantau ASEAN dan masih mengekalkan momentum untuk terus meneroka potensi tempatan serta global. Sungguhpun dilanda dengan pelbagai cabaran dan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, Malaysia terus menjadi peserta industri takaful yang cemerlang dan sentiasa ke hadapan.

Maklumat tentang status produk insurans dan pengenalan kepada sistem serta polisi takaful banyak membantu umat Islam untuk memastikan mereka dapat berurusan dalam sistem kewangan yang halal.

Bank Negara Malaysia (BNM) melalui polisi dan garis panduan yang dikeluarkan banyak memberikan bantuan kepada pengendali takaful bagi mendapatkan pengiktirafan dalam pasaran asing. Hal ini banyak bergantung kepada pemahaman tuntas bahawa pembangunan perniagaan takaful di sesebuah negara banyak bergantung pada faktor tempatan.

Sistem dan polisi takaful yang berlandaskan syariah merupakan pilihan yang ada untuk masyarakat Islam di Malaysia. Produk takaful sememangnya ada persamaannya dengan insurans konvensional, misalnya dilihat dari sudut kaedah pengurusan risiko. Walau bagaimanapun, konsep syariah yang digunakan membezakannya daripada

sistem insurans. Hal ini dikatakan demikian kerana takaful merupakan suatu kontrak yang berasaskan prinsip *al-tabarru'* dan *al-ta'awun*.

Sementara itu, banyak faktor yang mendorong pencapaian Malaysia dalam segmen takaful. Perangsang utama yang menyebabkan negara ini mampu untuk menjadi hab global takaful adalah kerana faktor dorongan infrastruktur dan kemudahan yang komprehensif serta fleksibel yang memberi kelebihan kepada semua pihak yang terlibat dalam industri ini. Oleh sebab sektor perbankan dan kewangan Islam dilaporkan semakin mengukuh, segmen takaful mempunyai skop yang besar bagi memperluas pialaian prestasinya, di samping meningkatkan pembangunan inovasi produk.

Dengan hal yang demikian, bagi mewujudkan industri takaful yang berkualiti dan berdaya saing, pelaksanaan operasi yang berkesan perlu dipraktikkan untuk memenuhi kehendak pelanggan. Antara pelaksanaan yang harus dijadikan amalan termasuklah penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh firma audit dan cukai itu yang berkaitan dengan insurans global pada tahun 2014, Malaysia merupakan destinasi yang strategik untuk pembangunan sektor takaful dan insurans.

Lebih memberangsangkan, Malaysia turut dikategorikan sebagai setaraf dengan China dalam pembangunan industri insurans, iaitu dari aspek mempunyai pulangan peluang yang tinggi dan risiko yang sederhana. Selain itu, prospek jangka masa panjang untuk industri tersebut juga memperlihatkan pertumbuhan yang sihat dan positif seiring dengan perkembangan sektor perbankan dan kewangan Islam yang menawarkan pelbagai peluang.

Untuk menyediakan Malaysia sebagai hab kewangan dan perbankan Islam pada peringkat serantau, sektor ini memerlukan pembangunan infrastruktur yang komprehensif dari semua segi. Antara aspek yang perlu diberikan perhatian khusus termasuklah mewujudkan tenaga mahir dan golongan profesional yang menyumbang kepada pertumbuhan sektor tersebut. Agensi akreditasi kewangan, *Finance Accreditation Agency Berhad* (FAA), mengunjurkan Malaysia memerlukan sebanyak 56 000 tenaga mahir serta profesional bagi sektor perkhidmatan kewangan dan perbankan Islam menjelang tahun 2020.

Sehubungan dengan itu, BNM mewujudkan Pusat Pengajian Kewangan Islam (Incief) yang berperanan sebagai pusat latihan untuk melahirkan pakar dalam bidang kewangan dan perbankan Islam. Malaysia turut mempunyai Agensi Kajian

Islam (ISRA) yang turut bertindak bagi membantu usaha merealisasikan hasrat ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif FAA, Dr. Amat Taap Manshor, keperluan tenaga pakar dalam bidang berkenaan adalah relevan dengan agenda nasional bagi menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam rantau ASEAN dan rantau lain di seluruh dunia. Untuk merealisasikan perkara berkenaan, FAA sudah merangka pelbagai perancangan bagi mencari bakat baharu demi menjadikan misi berkenaan dapat dicapai serta dikekalkan melalui program akreditasinya. Sehingga kini FAA bekerjasama dengan bank gergasi tempatan dan agensi kerajaan, seperti Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan, di samping universiti awam dan universiti swasta tempatan supaya mereka memilih untuk mendapatkan pentauliahan akreditasi berkenaan.

Akreditasi yang ada memberikan peluang kepada institusi pengajian domestik supaya lebih diyakini oleh pelbagai pihak berkepentingan. Bahkan pelajar jurusan kewangan di universiti awam dan universiti swasta juga berpeluang untuk mendapatkan pengalaman yang lebih praktikal dengan industri perkhidmatan kewangan Islam.

Berdasarkan perangkaan, Malaysia masih lagi kekurangan tenaga profesional bagi sektor perbankan dan kewangan Islam walaupun permintaan terus menunjukkan peningkatan yang positif. FAA sebagai agensi yang menawarkan pensijilan akreditasi bagi mengiktiraf program pembelajaran dalam sektor perkhidmatan kewangan dan perbankan Islam komited untuk sentiasa memastikan program berkenaan mempunyai kualiti, berstruktur tepat dengan pengetahuan bersesuaian dan relevan untuk keperluan industri.

Sejak FAA ditubuhkan pada tahun 2012, agensi ini berjaya menghasilkan pelbagai produk sebagai garis panduan program akreditasi, seperti *FAA Learning Standards (FLS)* yang meliputi perbankan Islam, takaful, perbankan, pasaran modal, dan pasaran modal Islam. Agensi ini menasarkankan hasrat bahawa pada tahun 2017 agensi akreditasi berkenaan berupaya menjadi pusat rujukan bagi program pembangunan bakat sektor kewangan untuk semua entiti perniagaan, perbankan dan juga kerajaan, sekali gus memperkasakan industri perbankan dan kewangan Islam tempatan. **de**

**Malaysia masih lagi kekurangan tenaga profesional bagi sektor perbankan dan kewangan Islam walaupun permintaan terus menunjukkan peningkatan yang positif.**



**Sistem dan polisi takaful yang berlandaskan syariah merupakan pilihan yang ada untuk masyarakat Islam di Malaysia.**